

# Ahli arkeologi tersohor, Siti Zuraina terima Ijazah Doktor Kehormat WOU

Oleh [Siti Aminah Mohd Yusof](#) - November 26, 2023 @ 9:11am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Dr Siti Zuraina menerima anugerah Ijazah Doktor Kehormat Kemanusiaan bersempena Majlis Konveksyen ke-14 Wawasan Open Universiti (WOU), semalam. - Foto/Ihsan WOU

GEORGETOWN: Ahli arkeologi pertama negara, Profesor Emeritus Datuk Dr Siti Zuraina Abdul Majid diumumkan sebagai penerima Ijazah Doktor Kehormat Kemanusiaan sempena Majlis Konvokesyen ke-14 Wawasan Open Universiti (WOU), semalam.

Pengerusi Lembaga Pengelola WOU, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata penganugerahan berprestij itu bertujuan mengiktiraf dan menghargai sumbangan Siti Zuraina, 79, yang merintis penyelidikan arkeologi negara selama lebih lima dekad.

"Pencapaian beliau begitu istimewa sebagai ahli arkeologi terlatih profesional pertama negara di samping menarik perhatian pada peringkat antarabangsa.

"Ini termasuk kejayaan penemuan bersejarah alat batu Paleolitik berusia 74,000 tahun rangka Perak Man manusia tertua berusia 11,000 di Lembah Lenggong, Perak.

"Penemuan tersebut mengesahkan Semenanjung Malaysia sebahagian laluan penghijrahan manusia sekali gus membuka mata dunia tentang khazanah prasejarah negara," katanya pada sidang media.

Tsu Koon turut memuji komitmen tokoh berkenaan yang masih aktif menyumbang kepakarannya termasuk menjadi individu bertanggungjawab mendapatkan inskripsi Pertubuhan Pendidikan Kebudayaan dan Saintifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) untuk Georgetown.

Menurutnya, Siti Zuraina turut menjalankan peranan selaku penasihat dalam Tunjang Ketiga Rancangan Strategik Kepelbagaian Budaya dan Kreativiti WOU.

Ketua Eksekutif dan Naib Canselor WOU, Prof Dr Lily Chan mengumumkan buat julung kalinya WOU melahirkan 10 graduan daripada program Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA) sejak ia mendapat akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)



Datuk Dr Siti Zuraina Abdul Majid.

Antara graduan DBA itu ialah Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Appscard di Pulau Pinang, Dr Bernard Lim Kee Weng, 50, Pengarah Urusan Junzo Sdn Bhd, E Swee Yong, 53 dan Pengarah Pengurusan Kualiti Industri Perubatan B Braun, Gurjit Singh Harbans Singh, 49.

Menurutnya, disertai calon DBA dinilai berdasarkan peranan kepimpinan dan pengalaman kerja mereka antaranya melibatkan industri pembuatan, hospitaliti dan Teknologi Maklumat (IT).

Katanya, menerusi penyelidikan yang dilakukan, graduan terbabit dapat menyumbang kepada bidang masing-masing dan masyarakat selain memberi impak daripada sudut peraturan dan dasar pada peringkat tinggi.

"Tahun ini WOU melahirkan seramai 803 graduan dengan 172 penerima berjaya mengikuti program pascasiswazah manakala 631 lagi adalah Sarjana Muda. Kebanyakan penuntut adalah golongan bekerja yang menyaksikan 80 peratus daripada mereka berumur 40 tahun ke bawah.

"WOU menawarkan 38 program pengajian dengan kursus popular yang merekodkan bilangan graduan tertinggi ialah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) dalam Perakaunan (92) dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan Eksekutif Komanwel seramai 82 orang," katanya.